



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 4 MAC 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPDN, MAFS BINCANG ATASI KENAIKAN HARGA SAYUR, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	AS TAWAR LATIHAN DALAM BIDANG PERTANIAN, NASIONAL, SH -24	
3.	CHAN: MINISTRY OF AGRICULTURE'S TOP PRIORITY IS TO ENSURE STABLE LOCAL FOOD PRODUCTION, WEST SABAH, SEE HUA DAILY NEWS -A5	
4.	DOF SOKONG PENUH TINDAKAN SPRM, SETEMPAT, HM -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	PERUNTUKAN RM192 JUTA BAIK PULIH PELABUHAN LKIM CHENDERING – MOHAMAD, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

UKK KPBM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/3/2023	SINAR HARIAN	ONLINE	

KPDN, MAFS bincang atasi kenaikan harga sayur



Salahuddin (kiri) bertanya khabar kepada salah seorang manga banjir di PPS Dewan Orang Ramai Parit Yaani pada Sabtu.

BATU PAHAT – Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bakal mengadakan perbincang dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) berhubung kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, perbincangan berkenaan akan diadakan secepat mungkin dalam usaha mengatasi isu berkenaan.

“Kita dah mula dapat laporan...sudah pasti bila berlaku musim tengkujuh hujan lebat luar jangka ini, pastinya banyak kebun-kebun sayur yang musnah.

“Jadi, pihak KPDN bersedia dan akan adakan perbincangan dengan MAFS dalam usaha untuk mengatasi isu ini,” katanya pada Sabtu.


Untuk rekod, hujan berterusan sejak beberapa hari lalu dikhuatiri memberikan kesan terhadap penanaman sayur di negeri ini.

Malah, ia dikhuatiri akan turut mempengaruhi dan menyebabkan berlakunya kenaikan harga bagi sayur-sayuran di pasaran.

Sementara itu, Salahuddin berkata, setakat ini pihaknya masih belum menerima laporan berhubung kenaikan harga sayur di pasaran.

Bagaimanapun katanya, pihaknya tetap bersedia untuk menerima laporan berhubung kenaikan berkenaan dalam tempoh sehari dua ini.

Headline	AS tawar latihan dalam bidang pertanian		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	24	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	413 cm ²
Journalist	ROSKHOIRAH YAHYA	AdValue	RM 8,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,267



Kesediaan tersebut dinyatakan Duta Besar AS di negara ini kepada Mohamad

AS tawar latihan dalam bidang pertanian

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Amerika Syarikat (AS) menyatakan kesediaan untuk menawarkan pelbagai program latihan jangka pendek dan panjang dalam bidang pertanian yang boleh dimana-mana oleh Malaysia.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Duta Besar Amerika Syarikat di negara ini, Brian McFreeters ketika mengunjungi Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur pada 1 Mac 2023.

KPKM dalam satu kenyataan berkata, pertemuan kali pertama antara kedua-dua pemimpin itu bertujuan memperkuatkhan hubungan dua hala dalam bidang pertanian.

Kementerian itu menjelaskan, isu sekuriti makanan dan kerjasama teknikal antara perkara yang dibincangkan.

"Dalam pertemuan ini, Mohamad menekankan tentang isu yang menjasakan sekuriti makanan di negara ini merupakan isu global yang turut memberi kesan kepada negara lain.

"Oleh yang demikian, adalah pen-



Brian (kanan) ketika mengunjungi Mohamad di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang di Kuala Lumpur pada Rabu lalu.

ting untuk kedua-dua negara bekerjasama untuk meningkatkan penghasilan makanan melalui penggunaan teknologi pintar dan kecerdasan buatan (AI)," ujar kenyataan tersebut pada Jumaat.

Tambah KPKM, kedua-dua negara turut bersedia untuk memperkuatkhan kerjasama perdagangan dalam sektor pertanian selaras dengan keperluan bagi menjamin sumber makanan yang mampan dan berterusan.

“

Dalam pertemuan ini, Mohamad menekankan tentang isu yang menjasakan sekuriti makanan di negara ini merupakan isu global yang turut memberi kesan kepada negara lain.”

- KPKM

"Amerika Syarikat merupakan rakan dagang pertanian berpotensi tinggi untuk terus diperkembangkan.

"Pertemuan ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan KPKM serta pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Malaysia," jelasnya.

Untuk rekod, terdapat peningkatan nilai dagangan pertanian antara Malaysia dengan Amerika Syarikat bagi tempoh Januari hingga Novermber 2022 sebanyak RM13.24 bilion berbanding RM12.55 bilion pada tahun 2021.

Headline	Chan: Ministry of Agriculture's top priority is to ensure stable local food production		
MediaTitle	See Hua Daily News		
Date	04 Mar 2023	Color	Full Color
Section	West Sabah	Circulation	63,549
Page No	A5	Readership	190,647
Language	Chinese	ArticleSize	268 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,005
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,015



陳泓縫：農部當務之急 確保本地糧食生產穩定

亚庇3日讯！确保本地粮食生产稳定和永续，是农业及粮食安全部的当务之急。亚庇国会议员陈泓縫接受电视台访问，评论2023昌明大马预算案时如此指出。

他表示，在2023年昌明大马财案中，粮食安全是政府给予重大关注的其中一项领域。考虑到近年因经济、战争和冠病疫情等因素所造成的食物供应链不稳定、食品价格飙升等挑战，确保本地粮食生产稳定和永续，是农业及粮食安全部的当务之急。

「随着首相安华在星期五的财案演讲中呼吁农业食品领域进行改革，朝向自动化，我也在此分享一些财案中提到的政策和各种奖掖，并欢迎在这个领域耕耘的业者和企业家把握机会以从中受益，配合政府一起提高本地粮食自给自足的能力。」

他续说，像是自动化和数码化方面，政府会拨出10亿令吉给「国行农产品融资计划」，以协助提高农产品产量；数码经济机构（MDEC）则会得到



亚庇国会议员陈泓縫接受电视台访问。

1000万令吉拨款以扩大数码农业科技（Digital AgTech）计划，来培训小园主使用科技转型。

同时，政府也会提供Elaun Modal Dipercepatkan，即加速资本津贴和对资本开销提供100%豁免所得税福利，以提升农业领域使用科技的效率。食品生产项目的税收优惠期限延长至2025年杪，有意投资大规模农业的私人企业也

会得到政府的奖掖、土地、融资及科技等各种补助。

以上政策都是开放给所有在农业和农产品领域耕耘的农夫、小园主和企业家。农业及粮食安全部也会陆续发布这些政策的细节和申请方式。我欢迎大家踊跃提出申请，以迈向现代化农业模式，勿错过政府所给予的奖掖优惠和福利。

Headline	DOF sokong penuh tindakan SPRM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	17	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	340 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,343
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,029



DOF sokong penuh tindakan SPRM

Putrajaya: Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) tidak akan berkompromi dan bertolak ansur terhadap sebarang salah laku rasuah membabitkan kakitangan perikanan.

Menurutnya kenyataan Unit Komunikasi Korporat Jabatan Perikanan Malaysia kepada Harian Metro, jabatan perikanan menyokong penuh tindakan diambil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam mengkang aktiviti rasuah dalam kalangan penjawat awam.

Pihak DOF turut memandang serius pendedahan dan artikel dikeluarkan akbar ini berhubung 40 kakitangan agensi penguat

kuasa di laut yang terpalit rasuah Isnin lalu.

Sementara itu Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah menjelaskan bawaha alat

Pengesan Lokasi Individu (PLB) tidak diwajibkan untuk dimiliki setiap vesel atau kapal ne-

layan berdaftar. Menurutnya, alat PLB ini hanya diperuntukkan DOF dan diserahkan kepada 150 vesel zon A sa-

haja pada tahun

2021 bertujuan mem-

bolehkan agensi penyela-

mat untuk mengenalpasti pemilik serta menghubungi

waris terdekat jika berlaku

kecemasan dan memulakan

operasi carilamat.

Kata beliau lagi, penggunaan alat PLB secara su-



LAPORAN Harian Metro, 27 Februari lalu.

karela dan DOF menggalakkan nelayan memiliki alat DOF hanya mewajibkan itu untuk keselamatan di penggunaan Alat Pengesan Vesel (MTU/VTU) di atas



LAPORAN Harian Metro, 28 Februari lalu.

"Sejak 2014 hingga kini, penggunaan Alat Pengesan Vesel (MTU/VTU) di atas

vesel laut dalam zon C2 yang diluluskan Ketua Pengarah Perikanan.

"Alat ini hendaklah di-

pasang di atas vesel yang diluluskan Ketua Pengarah Perikanan.

"Alat ini hendaklah di-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/3/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Peruntukan RM192 juta baik pulih Pelabuhan LKIM Chendering – Mohamad



Mohamad Sabu (berbaju putih) melawat Pelabuhan Perikanan LKIM Chendering, Terengganu, hari ini. (Gambar: Facebook)

KUALA LUMPUR – Kerajaan telah meluluskan peruntukan kira-kira RM192 juta bagi membaik pulih Pelabuhan Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Chendering, Terengganu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, projek tersebut akan mengambil masa kira-kira lima tahun untuk disiapkan.

“Saya dimaklumkan kerja-kerja mengorek pasir untuk mendalamkan pelabuhan dan membaiki bumbung akan dimulakan pada April tahun ini.

“Insya-Allah saya akan datang semula ke sini nanti untuk melihat sendiri kemajuan projek membaik pulih pelabuhan ini,” katanya dalam hantaran Facebook, hari ini.

Beliau turut menyatakan perasaan sedih melihat keadaan pelabuhan berkenaan yang dahulunya terkenal sebagai pusat pendaratan ikan terbesar di Terengganu.

Mohamad berkata, banyak bumbung yang tercabut manakala bot nelayan tidak dapat masuk ke pelabuhan kerana air semakin cetek.

“Keadaan ini menyebabkan bilangan bot yang beroperasi di pelabuhan ini terus mencatatkan penurunan iaitu dari 203 buah bot (2016) kepada 51 buah bot (2021),” jelasnya. – MalaysiaGazette